



## Rekod hak asasi manusia Brunei Darussalam akan diperiksa oleh Penilaian Berkala Sejagat

**GENEVA (5 November 2024)** – Rekod hak asasi manusia Brunei Darussalam akan diteliti oleh Kumpulan Kerja Penilaian Berkala Sejagat (Universal Periodic Review – UPR) Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk kali keempat pada hari Jumaat, 8 November 2024, dalam satu mesyuarat di Geneva yang akan disiarkan [web](#).

Brunei Darussalam adalah salah satu daripada 14 Negera yang akan dinilai oleh Kumpulan Kerja UPR pada sesi akan datang dari 4 hingga 15 November 2024. Penilaian semula UPR pertama, kedua dan ketiga terhadap Brunei Darussalam telah berlangsung pada Disember 2009, Mei 2014, and Mai 2019.

Kumpulan Kerja UPR terdiri daripada 47 Negara Anggota Majlis Hak Asasi Manusia. Walau bagaimanapun, setiap 193 Negara Anggota PBB boleh mengambil bahagian dalam penilaian negara.

Dokumen yang menjadi asas kepada penilaian ini adalah: 1) laporan kebangsaan - maklumat yang disediakan oleh Negara yang sedang dinilai; 2) maklumat yang terkandung dalam laporan oleh pakar dan kumpulan hak asasi manusia berstatus bebas, juga dikenali sebagai Prosedur Khas, badan triti hak asasi manusia, dan entiti PBB yang lain; 3) maklumat yang diberi oleh pihak berkepentingan lain termasuk institusi-institusi hak asasi manusia kebangsaan, organisasi-organisasi serantau, dan kumpulan masyarakat sivil.

Ketiga-tiga laporan yang berfungsi sebagai asas untuk penilaian Brunei Darussalam pada 4 November boleh didapati di [sini](#).

**Lokasi:** Bilik 20, Palais des Nations, Geneva.

**Masa dan Tarikh:** Masa dan tarikh: 9:00 – 12:30, Jumaat, 8 November 2024 (waktu Geneva, GMT+1).

UPR adalah penilaian setara terhadap rekod hak asasi manusia kesemua 193 Negara Anggota PBB. Semenjak mesyuarat pertamanya yang diadakan pada April 2008, kesemua 193 Negara Anggota PBB telah disemak sebanyak tiga kali. Untuk kitaran UPR keempat, negara-negara akan menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk melaksanakan cadangan-cadangan yang dikemukakan semasa penilaian terdahulu yang telah mereka komited untuk membuat susulan dan menekankan perkembangan hak asasi manusia terkini di negara tersendiri.

Delegasi Brunei Darussalam akan diketuai oleh Dato Erywan PEHIN YUSOF, Menteri Luar Negeri Kedua Negara Brunei Darussalam.

Tiga wakil negara yang berkhidmat sebagai pelapor (“troika”) untuk penilaian Brunei Darussalam adalah Honduras, Kyrgyzstan dan Malawi.

Siaran web sesi ini adalah di <https://webtv.un.org/en/asset/k1n/k1nle6gtv5>

Senarai pembicara dan semua kenyataan yang ada untuk disampaikan semasa penilaian Brunei Darussalam akan disiarkan di [UPR Extranet](#).

Kumpulan Kerja UPR dijadual untuk menerima pakai cadangan-cadangan yang dikemukakan kepada Brunei Darussalam pada hari Rabu, 13 November 2024 antara jam 15:30 dan 18:00 (GMT+1). Negara yang sedang dinilai boleh menyatakan pendirian atas cadangan-cadangan yang dikemukakan semasa penilaian.

// TAMAT //

*Untuk maklumat lanjut dan permintaan media, sila hubungi Pascal Sim, Pegawai Media HRC, di [simp@un.org](mailto:simp@un.org); Matthew Brown, Pegawai Maklumat Awam HRC, di [matthew.brown@un.org](mailto:matthew.brown@un.org) dan David Díaz Martín, Pegawai Maklumat Awam HRC di [david.diazmartin@un.org](mailto:david.diazmartin@un.org).*

*Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Penilaian Berkala Sejangat, lawati [www.ohchr.org/en/hr-bodies/upr/upr-main](http://www.ohchr.org/en/hr-bodies/upr/upr-main)*

Majlis Hak Asasi Manusia PBB, ikuti kami di media sosial:

[Facebook](#) | [Twitter](#) | [YouTube](#) | [Instagram](#)